



UPNM



National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

MS ISO 9001:2015

MANUAL KUALITI MK. UPNM. 01

| | DISEDIAKAN OLEH | DILULUSKAN OLEH |
|-------------|---|---|
| TANDATANGAN |  |  |
| NAMA | BRIG JEN PROF. IR DR. NORAZMAN BIN MOHAMAD NOR (BERSARA) | LT JEN DATUK MARDZUKI BIN MUHAMMAD |
| JAWATAN | PENGURUS KUALITI | NAIB CENSELOR |
| TARIKH | 27 SEPTEMBER 2023 | 27 SEPTEMBER 2023 |







SENARAI EDARAN SALINAN DOKUMEN TERKAWAL


| No. Salinan Kawalan | Penerima | Tarikh Edaran Diterima | Tandatangan | Tarikh Edaran Dipinda | Catatan |
|---------------------|---------------------|------------------------|--|-----------------------|------------------|
| 01 | NAIB CANSELOR | 27 / 09 / 2023 |  | | <i>Hard Copy</i> |
| 02 | PENGURUS KUALITI | 27 / 09 / 2023 |  | | <i>Hard Copy</i> |

DOKUMEN TERKAWAL

REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab Pemegang Dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen ini sentiasa dikemas kini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dinyatakan di dalamnya.

| Tarikh Pindaan | No. Keluaran | No. Pindaan | Rujukan / Pindaan Mukasurat Terlibat | Butir-butir Pindaan | Diluluskan Oleh |
|----------------|--------------|-------------|--------------------------------------|---|---|
| 15 / 05 / 2018 | 01 | 01 | Muka Depan & Senarai Edaran | Nama dan Tanda tangan NC baru |  |
| 12 / 04 / 2019 | 02 | 01 | Muka Depan & Senarai Edaran | Nama dan Tanda tangan Pengurus Kualiti baru |  |
| 03 / 11 / 2020 | 02 | 02 | Semua Muka Surat yang Terlibat | Pertukaran logo UPNM yang baharu di setiap muka surat dan kemaskini isi kandungan |  |
| 10 / 03 / 2021 | 02 | 03 | Muka Depan & Senarai Edaran | Nama dan Tanda tangan NC baru |  |
| 22 / 03 / 2022 | 02 | 03 | Muka Depan & Senarai Edaran | Pengemaskinian nama NC |  |
| 27 / 09 / 2023 | 03 | 04 | Muka Depan & Senarai Edaran | Nama dan Tanda tangan NC baru |  |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 1/39 |

1. PENGENALAN KEPADA MANUAL KUALITI

1.1. PENDAHULUAN

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) adalah satu komponen Sistem Pengurusan di UPNM. SPK telah dibangunkan sebagai salah satu usaha berterusan kami untuk meningkatkan lagi komitmen terhadap pelanggan luar dan dalaman di sepanjang rantai nilai untuk pengurusan kualiti. Ia merupakan usaha dalam membangunkan sistem pengurusan berlandaskan kepada MS ISO 9001:2015 iaitu satu sistem pengurusan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Justeru, Manual Kualiti telah dibentuk sebagai satu panduan kepada pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti yang efektif dan berkesan.

1.2. OBJEKTIF MANUAL KUALITI


Tujuan Manual Kualiti ini adalah untuk:

- a. Menerangkan maklumat am tentang Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).
- b. Menjelaskan secara ringkas SPK bagi MS ISO 9001:2015 yang dilaksanakan di UPNM.
- c. Menerangkan dasar dan prinsip asas bagi aktiviti yang dilaksanakan dalam SPK UPNM.
- d. Menjelaskan pengecualian (*exclusion*) dalam mengaplikasi SPK bagi MS ISO 9001:2015.

1.3. KANDUNGAN MANUAL KUALITI

Manual ini mengandungi 10 Klausu yang meliputi perkara-perkara berikut:

| | |
|----------|---|
| Klausu 1 | Pengenalan |
| Klausu 2 | Maklumat Organisasi |
| Klausu 3 | Takrifan |
| Klausu 4 | Konteks Organisasi |
| Klausu 5 | Kepimpinan dan Tanggungjawab Pengurusan |

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 2/39 |

| | |
|-----------|--------------------|
| Klausa 6 | Perancangan |
| Klausa 7 | Sokongan |
| Klausa 8 | Operasi |
| Klausa 9 | Penilaian Prestasi |
| Klausa 10 | Penambahbaikan |

1.4. PENYEDIAAN, PENGUATKUASAAN DAN PENGEDARAN

Manual Kualiti ini adalah dokumen terkawal dan hanya diedarkan kepada Pemegang Dokumen seperti dalam Daftar Pemegang Dokumen Terkawal Manual ini. Manual ini hanya terpakai dan berkuatkuasa setelah diluluskan oleh Naib Canselor UPNM selepas ini disebut sebagai NC.

Setiap pemegang dokumen ini akan bertanggungjawab menyimpan dengan selamat dan mengemas kini manual mengikut arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Manual ini hendaklah disediakan secara *hard copy* (Dokumen Asal untuk Naib Canselor & Pengurus Kualiti), secara *intranet* bagi pemegang Dokumen Terkawal yang lain). Sistem *back-up* hendaklah diwujudkan bagi dokumen berbentuk *soft copy*.


1.5. PELARASAN PINDAAN MANUAL KUALITI

Pengurus Kualiti (Pgrs K) hendaklah menyelaraskan pindaan terhadap Manual ini berasaskan keperluan Klausa 7.5.2. Sebarang bahagian dari dokumen ini tidak boleh dikeluarkan atau dipinda tanpa kebenaran NC.

1.6. PENYATAAN KERAHSIAAN

Manual Kualiti, Prosedur Kualiti dan Arahan Kerja yang terkandung dalam SPK MS ISO 9001:2015 ini kekal sebagai hak milik UPNM. Pemegang dokumen hendaklah memelihara kerahsiaan kesemua maklumat yang terkandung dalam manual ini sekiranya ada pihak-pihak luar yang memerlukan dokumen ini, kebenaran hendaklah diperoleh daripada NC.

Pemegang dokumen tidak dibenarkan menyalin, meniru kesemua atau sebahagian, atau mengedarkan apa juga bahan atau maklumat dari dokumen ini kepada sesiapa kecuali setelah mendapat keizinan dan kebenaran bertulis daripada NC.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 3/39 |

2. MAKLUMAT ORGANISASI

2.1. LATAR BELAKANG UPNM

Sejarah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bermula dengan penubuhan Akademi Tentera Malaysia (ATMA) pada 01 Jun 1995 sebagai organisasi yang bertanggungjawab menjalankan program pengajian di peringkat Sarjana Muda dan Latihan Ketenteraan kepada Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia (ATM). ATMA telah dinaiktaraf sebagai sebuah menjadi sebagai UPNM yang diwartakan pada 10 November 2006.

UPNM telah memulakan pengambilan kumpulan pertama pelajarinya pada sesi 2007/2008, iaitu kategori pelajar yang merangkumi Pegawai Kadet dan pelajar awam. Sehubungan dengan itu, UPNM telah mempunyai pengalaman mengendalikan program pengajian di peringkat Sarjana Muda dari tahun 1995 hingga 2006 melalui program kerjasama antara Kementerian Pertahanan dengan Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Kejuruteraan, Sains & Teknologi Pertahanan, Pengajian & Pengurusan Pertahanan dan Perubatan & Kesihatan Pertahanan.

Di samping memperoleh kelayakan akademik, graduan Pegawai Kadet telah ditauliahkan sebagai Pegawai ATM dan mereka berkhidmat dalam perkhidmatan Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

2.2. VISI UPNM


Menjadi Universiti Pertahanan primier di rantau ini untuk pendidikan, latihan dan penciptaan ilmu.

2.3. MISI UPNM

UPNM komited mencapai kecemerlangan perkhidmatan kepada negara sebagai sebuah universiti pertahanan primier dalam kepimpinan dan pembangunan profesional, penyebaran ilmu pengetahuan dan aplikasi sains pertahanan dan teknologi, dan juga menyelidiki polisi.

2.4. DASAR KUALITI UPNM

Beriltizam membawa UPNM ke arah kecemerlangan dalam bidang pertahanan dan keselamatan bagi memenuhi kehendak pelanggan.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 4/39 |

2.5. CARTA ORGANISASI UPNM

2.5.1. Carta Organisasi UPNM - Lampiran 1.

2.6. PERANAN DAN FUNGSI FAKULTI/ PUSAT

2.6.1. Peranan dan Fungsi FPJB di UPNM – Lampiran 2

2.7. PELANGGAN

Pelanggan UPNM terdiri daripada pelanggan dalaman dan luaran yang menerima perkhidmatan secara langsung atau berkepentingan di UPNM. Pelanggan UPNM adalah seperti berikut:

| PELANGGAN DALAMAN | PELANGGAN LUARAN |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Staf • Pelajar (Awam dan Tentera) • Pensyarah (Awam dan Pegawai Tentera) • Penyelidik • Pensyarah Muda • Pegawai Tentera • Pengurusan Fakulti/ Pusat Tanggungjawab | <ul style="list-style-type: none"> • Agensi Kerajaan • ATM • Ibu bapa Pelajar • IPT / Badan Berkanun • Agensi Swasta dan Industri |

2.8. PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

Antara peraturan yang terpakai di UPNM adalah seperti senarai di bawah:

1. Peraturan Akademik
2. Akta Rahsia Rasmi 1972
3. Akta Angkatan Tentera 1972
4. Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU)
5. Perlembagaan UPNM (Pindaan 2009)
6. Akta Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) (Akta 605) - Pindaan 2012
7. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan (hanya diluluskan oleh LPU)
8. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan (hanya diluluskan oleh LPU)
9. Perlembagaan Malaysia
10. Akta Tatacara Kewangan 1957

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 5/39 |

11. Arahan Perbendaharaan
12. *Library of Congress Classification*
13. Akta Hak Cipta 1987
14. Arahan Teknologi Maklumat 2007
15. Dasar ICT
16. Akta Komunikasi & Multimedia 1988
17. Akta Mesin Cetak & Penerbitan 1984
18. Akta Hak Cipta 1987
19. Protokol dan Etika dalam Pengurusan dan Menghadiri Majlis (INTAN, 2007)
20. Garis Panduan Pengurusan Kewangan 2014
21. Akta Perubatan
22. Dasar dan Polisi Penerbitan

2.9. PIAGAM PELANGGAN

UPNM komited untuk memberi Kepuasan Pelanggan seperti berikut:

a. **Maklumat Program**

Bakal pelanggan menerima maklumat tentang Program Pengajian Akademik dan Latihan Ketenteraan Umum sebelum semester bermula.

b. **Pembelajaran, Latihan dan Khidmat Nasihat**


Suasana pembelajaran dan pengajaran yang kondusif. Program Akademik memenuhi beban kredit seperti yang diluluskan oleh KPT, Senat UPNM dan LKU dilaksanakan mengikut prosedur Rancangan Pengurusan Latihan (RPL). Pelanggan disediakan dengan khidmat nasihat akademik oleh Penasihat Akademik dan khidmat nasihat ketenteraan oleh Ketua Kompeni.

c. **Keselamatan dan Kerahsiaan**

Maklumat peribadi pelanggan, maklumat akademik dan latihan ketenteraan akan diuruskan dengan selamat mengikut keperluan peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa.

d. **Penganugerahan**

Pelanggan yang telah memenuhi syarat lulus program akademik dan disahkan oleh Senat UPNM dan boleh dianugerahkan Diploma, Diploma Eksekutif, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang yang didaftarkan.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 6/39 |

e. **Pentauliahan**

Pelanggan yang telah dianugerahkan ijazah sarjana muda dan lulus semua latihan ketenteraan layak ditauliahkan sebagai Pegawai Muda ATM. Tarikh kuatkuasa pentauliahan ialah pada tarikh terakhir pengesahan keputusan peperiksaan akhir oleh Senat UPNM atau pengesahan keputusan mata pelajaran LKU oleh Lembaga No. 3 ATM.

f. **Aduan Pelanggan**

Aduan pelanggan yang tidak tertakluk kepada pihak ketiga akan diselesaikan tidak melebihi tujuh hari bekerja dari tarikh sah aduan diterima.

3. TAKRIFAN

Sila rujuk mukasurat xvi dalam Manual Kualiti.

4. KONTEKS ORGANISASI

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) hendaklah mewujudkan dan mengekalkan Sistem Pengurusan Kualiti UPNM (SPK UPNM) yang akur kepada keperluan MS ISO 9001:2015.


4.1. PEMAHAMAN ORGANISASI DAN KONTEKSNYA

UPNM hendaklah menentukan isu-isu luaran dan dalaman yang relevan dengan tujuan dan pelan strategik bagi mencapai hasil yang dimaksudkan daripada SPK UPNM.

UPNM hendaklah memantau dan mengkaji semula maklumat tentang isu-isu luaran dan dalaman ini.

Proses-proses SPK UPNM ini melibatkan aktiviti pengurusan seperti penyediaan sumber, penghasilan produk dan pengukuran. UPNM mengawasi, mengukur dan menganalisis proses ini dan mengambil tindakan yang diperlukan untuk mencapai semua objektif yang ditetapkan, petunjuk prestasi utama, kualiti produk dan peningkatan berterusan bagi pelaksanaan sistem ini.

Klausa-klausa yang terkandung dalam manual ini serta selaras dengan keperluan piawaian MS ISO 9001:2015 adalah seperti berikut:

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 7/39 |

- a. Klausula 5 mentakrifkan keperluan kepimpinan dan tanggungjawab pengurusan.
- b. Klausula 6 berkaitan perancangan.
- c. Klausula 7 menentu dan menetapkan sokongan.
- d. Klausula 8 mewujudkan dan melaksanakan operasi.
- e. Klausula 9 melaksanakan penilaian prestasi.
- f. Klausula 10 menerangkan keperluan bagi penambahbaikan.

Kajian dan kebenaran untuk perubahan atau penambahbaikan diberikan oleh Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan kepada pihak FPJB masing-masing untuk bertindak dengan mengisi borang-borang berkenaan melalui kelulusan NC.

UPNM telah mengenal pasti semua proses yang diperlukan untuk pelaksanaan SPK di UPNM termasuklah permohonan, interaksi dan urutan proses juga ditentukan. Kaedah dan kriteria yang diperlukan untuk memastikan kawalan dan operasi berkesan telah ditakrifkan. Hal ini termasuk semua maklumat dan sumber yang diperlukan untuk menyokong, mengukur dan menganalisis aktiviti di UPNM dan pemantauan aktiviti tersebut. UPNM juga melaksanakan tindakan yang diperlukan untuk mencapai keputusan yang dirancang dan sentiasa meningkatkan proses ini.


Interaksi Pemetaan Proses SPK UPNM adalah seperti di **Lampiran 3**.

4.2. KEPERLUAN DAN JANGKAAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN

UPNM hendaklah menentukan:

- a) Pihak yang berkepentingan yang relevan dengan pengurusan universiti.
- b) Keperluan pihak yang berkepentingan ini yang relevan dengan sistem pengurusan kualiti.

UPNM juga hendaklah memantau dan mengkaji semula maklumat tentang pihak yang berkepentingan ini dan keperluan mereka yang relevan.

| | | |
|---|-----------------------|---------------------------------------|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 8/39 |

4.3. SKOP PENSIJILAN SPK MS ISO 9001:2015

Skop SPK MS ISO 9001:2015 di UPM ini meliputi operasi universiti untuk penyediaan pengurusan pengajian akademik dan latihan ketenteraan umum. Tujuan SPK UPM adalah untuk menunjukkan keupayaan universiti bagi memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan pelanggan melalui aplikasi dan pelaksanaan sistem yang berkesan. UPM hendaklah mengguna pakai semua keperluan piawaian antarabangsa yang terpakai dalam skop yang ditetapkan dalam sistem pengurusan kualitinya.

Terdapat beberapa pengecualian bagi keperluan MS ISO 9001:2015 dan telah diterangkan dalam klausa ini.

Skop pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 di UPM ialah **Pengurusan Pengajian Akademik dan Latihan Ketenteraan Umum (LKU)**.

4.3.1 PELAKSANAAN SPK UPM

Pelaksanaan SPK UPM adalah di alamat seperti berikut:

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPM),
 Kem Perdana Sungai Besi,
 57000 Kuala Lumpur,
 Malaysia.**


4.3.2 MAKLUMAT NOMBOR TELEFON DAN FAKS

Maklumat nombor telefon dan faks bagi setiap FPJB di laman sesawang <http://mycampus.upm.edu.my>.

4.4. KEPERLUAN PENDOKUMENTASIAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)

4.4.1. AM

UPM hendaklah mewujudkan, melaksanakan, menyelenggarakan dan menambah baik secara berterusan sistem pengurusan kualiti, termasuk proses yang diperlukan dan saling tindaknya, yang selaras dengan Piawaian MS ISO 9001.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 9/39 |

UPNM hendaklah menentukan proses yang diperlukan untuk SPK dan pemakaiannya dalam seluruh FBJB. Oleh itu, keperluan dokumentasi SPK di UPNM meliputi:

- i. Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti;
- ii. Prosedur Kualiti;
- iii. Manual Kualiti dan;
- iv. Rekod Kualiti yang diperlukan oleh piawaian.

Manual SPK mentakrifkan skop SPK berkaitan dengan perincian dan justifikasi bagi setiap pengecualian. Semua aktiviti UPNM adalah didokumentasikan dalam bentuk manual, prosedur, arahan kerja dan garis panduan.

Keperluan dokumentasi UPNM adalah seperti berikut:

Aras 1: MANUAL KUALITI (MK)

Manual ini menjelaskan Dasar UPNM dalam melaksanakan SPK UPNM.

Aras 2: PROSEDUR KUALITI (PK)

PK adalah dokumen yang menjelaskan segala aktiviti pengurusan dan operasi SPK UPNM. Jika perlu carta alir boleh mengambil alih prosedur-prosedur yang dikenal pasti dalam prosedur sokongan dan prosedur operasi di bawah SPK yang dilaksanakan.

Aras 3: ARAHAN KERJA (AK)

AK adalah dokumen yang menjelaskan aktiviti-aktiviti kualiti yang terperinci. AK adalah dokumen kualiti yang menyokong dokumen Prosedur Kualiti tertentu. AK akan diwujudkan apabila perlu.


Aras 4: DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen sokongan meliputi Akta, Pekeliling Rasmi Kerajaan dan Peraturan Kerja yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

Senarai Rujukan Dokumen Terkawal SPK di UPNM adalah seperti **Lampiran 4**.

- 4.4.2.** Setakat yang perlu, UPNM hendaklah menyelenggara dan menyimpan maklumat yang didokumentasikan bagi menyokong prosesnya seperti yang dirancang. Antara maklumat utama adalah seperti berikut:

(a) MANUAL KUALITI

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 10/39 |

UPNM hendaklah mewujudkan dan menyelenggara Manual Kualiti bagi menjelaskan keperluan-keperluan seperti berikut:

- i. Skop pelaksanaan SPK.
- ii. Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti.
- iii. Pengecualian aplikasi (*exclusion*) yang menjelaskan pengecualian dalam pematuhan Piawaian MS ISO 9001:2015.
- iv. Rujukan kepada prosedur-prosedur kualiti dan dokumen sokongan dalam SPK.
- v. Huraian tentang prinsip-prinsip dalam merancang, melaksana dan memantau SPK.

(b) KAWALAN DOKUMEN


UPNM hendaklah mewujudkan dan mengekalkan prosedur-prosedur untuk mengawal kesemua dokumen bagi keperluan SPK UPNM menerusi:

- i. Kelulusan – Dokumen disediakan, disemak dan mendapat kelulusan daripada pegawai yang diberi kuasa sebagai satu prosedur yang didokumenkan dan menjadi rujukan semasa pelaksanaan.
- ii. Semakan dan Kelulusan Semula – Dokumen-dokumen ini dikemas kini, disemak dan akan diluluskan semula oleh pegawai yang diberi kuasa. Salinan dokumen yang diganti perlu dikenal pasti dan disimpan sebagai mengekalkan pengesanan semula.
- iii. Pengenalpastian Status Pindaan – Semua dokumen pindaan telah dikenal pasti dan direkod seperti yang dinyatakan dalam prosedur.
- iv. Penyimpanan dan Penyelenggaraan – Semua dokumen dan rekod akan dibuat oleh pegawai yang dilantik.
- v. Kemudahperolehan – Versi yang berkaitan dokumen terdapat pada masa penggunaan.
- vi. Kawalan Dokumen Salinan – Pengawasan salinan dokumen yang berkaitan bagi mengelakkan daripada penyalahgunaannya.
- vii. Sebagai Pencegahan – Kawalan dokumen dapat mengelakkan pengguna daripada menggunakan dokumen yang lama.

Dokumen Rujukan

| | |
|-----------------|--------------------------|
| PK(P). UPNM. 01 | Prosedur Kawalan Dokumen |
|-----------------|--------------------------|

(c) KAWALAN REKOD

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 11/39 |

UPNM hendaklah mewujudkan dan menyelenggara rekod-rekod sebagai bukti pematuhan terhadap keperluan dan keberkesanan operasi SPK UPNM. UPNM juga hendaklah mewujudkan prosedur-prosedur bagi mengawal kesemua rekod yang diperlukan oleh SPK UPNM iaitu:

- i. Memastikan semua rekod-rekod disimpan secara teratur dan sistematik, boleh dibaca, mudah diperoleh dan dijumpai.
- ii. Dapat menerangkan prosedur-prosedur tentang kawalan simpanan, perlindungan, tempoh pengekalan dan pelupusan.

Dokumen Rujukan

| | |
|-----------------|------------------------|
| PK(P). UPNM. 02 | Prosedur Kawalan Rekod |
|-----------------|------------------------|


5 KEPIMPINAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN

5.1 KEPIMPINAN DAN KOMITMEN PENGURUSAN

5.1.1 AM

Pengurusan Atasan UPNM hendaklah komited kepada pembangunan, pelaksanaan, pemantauan, penambahbaikan dan keberkesanan terhadap SPK UPNM berdasarkan kepada keperluan MS ISO 9001:2015 dengan mengambil kira keperluan berikut:

- a. Mengambil kebertanggungjawaban terhadap keberkesanan sistem pengurusan kualiti serta memastikan supaya semua anggota UPNM memahami dan menghayati akan pentingnya kehendak pelanggan dan peraturan-peraturan dipatuhi.
- b. Mewujudkan, meluluskan dan memastikan semua anggota UPNM memahami dan menghayati Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti UPNM.
- c. Memastikan integrasi keperluan sistem pengurusan kualiti ke dalam proses pengurusan universiti.
- d. Mengambil kira elemen pengurusan risiko dalam aktiviti harian.
- e. Memastikan sumber-sumber yang diperlukan adalah mencukupi.
- f. Mengadakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) sekurang-kurangnya sekali setahun atau aktiviti-aktiviti lain bagi menyampaikan maklumat tentang kesedaran dan kepentingan sistem pengurusan kualiti kepada setiap warga universiti.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 12/39 |

- g. Memastikan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti mencapai hasil yang telah ditetapkan.
- h. Membudayakan amalan proses kerja yang berintegriti tinggi dalam kalangan warga universiti.
- i. Sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan.
- j. Menyokong peranan pengurusan FPJB lain yang relevan untuk menunjukkan sokongan pihak pengurusan universiti.


5.1.2 FOKUS KEPADA PELANGGAN

Pengurusan atasan UPNM hendaklah memastikan keperluan pelanggan dikenal pasti, difahami dan dipenuhi dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi kepuasan pelanggan dengan:

- a. Menyediakan dan menyelenggara Piagam Pelanggan.
- b. Menenal pasti risiko dan peluang yang boleh memberi kesan kepada keakuran produk dan perkhidmatan.
- c. Mewujudkan kaedah maklum balas pelanggan berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan.
- d. Mengkaji semula keperluan-keperluan baharu pelanggan bagi memastikan keperluan itu dipenuhi mengikut keupayaan semasa UPNM dan berasaskan perundangan dan peraturan yang berkuatkuasa.
- e. Maklum balas perlu dihantar kepada FPJB secara rawak bagi mendapatkan *input* berhubung dengan maklum balas daripada pelanggan.
- f. Memastikan keperluan pelanggan berkaitan perkhidmatan yang diberikan akan sentiasa diutamakan bagi memberi kepuasan yang berterusan kepada pelanggan.

Dokumen Rujukan

| | |
|-----------------------|---------------------------------|
| PK(O). UPNM. PEND. 07 | Prosedur Maklum Balas Pelanggan |
|-----------------------|---------------------------------|

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 13/39 |

5.2 DASAR KUALITI

5.2.1 MEMBANGUNKAN DASAR KUALITI

Pengurusan Atasan UPNM menggubal Dasar Kualiti seperti berikut:

“Beriltizam membawa UPNM ke arah kecemerlangan dalam bidang pertahanan dan keselamatan bagi memenuhi kehendak pelanggan”

Pengurusan Atasan UPNM hendaklah memastikan Dasar Kualiti adalah sentiasa:


- a. Bersesuaian dengan hala tuju pengurusan UPNM.
- b. Difahami dan dihayati oleh warga kerja UPNM.
- c. Dibincangkan dan dikaji semula dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) untuk memastikan kepuasan pelanggan tercapai secara berterusan.
- d. Melaksanakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) secara berterusan sejajar dengan keperluan semasa SPK bagi MS ISO 9001:2015.

5.2.2 MENGGOMUNIKASIKAN DASAR KUALITI UPNM

Pengurusan atasan UPNM hendaklah:

- a. Memastikan Dasar Kualiti yang diwujudkan dan diselenggarakan.
- b. Dasar Kualiti dikomunikasikan dan disebarluaskan di semua peringkat kerja. Warga kerja UPNM akan bertanggungjawab untuk memahami dan menghayati pernyataan Dasar Kualiti UPNM yang diwujudkan.
- c. Dasar Kualiti hendaklah tersedia untuk pihak yang berkepentingan yang relevan, mengikut kesesuaian.

5.3 PERANAN, TANGGUNGJAWAB, DAN BIDANG KUASA ORGANISASI

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 14/39 |

Pengurusan atasan UPNM hendaklah memastikan tanggungjawab dan bidang kuasa setiap warga kerjanya diwujudkan dan didokumentasikan. Tanggungjawab dan kuasa staf UPNM dijelaskan melalui Carta Organisasi, Senarai Tugas, Perintah Tetap dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang ditetapkan. Sebagai contohnya; senarai tugas, carta organisasi dan proses kerja yang berkaitan hendaklah diwujudkan oleh UPNM.


Pengurusan Atasan UPNM hendaklah menentukan keperluan dan ekspektasi pelanggan dikenal pasti, difahami dan dipenuhi dengan tujuan mempertingkatkan lagi kepuasan pelanggan. UPNM hendaklah memberi keutamaan kepada pelanggan melalui pendekatan-pendekatan berikut:-

- a. Mewujud, menyelenggara dan mengemaskini Piagam Pelanggan;
- b. Mewujudkan kaedah bagi pengendalian maklum balas pelanggan serta mengendalikan cadangan pelanggan (Peti Cadangan atau e-Aduan) bagi memenuhi kehendak pelanggan secara berterusan;
- c. Sentiasa mengkaji kehendak pelanggan dan pemegang taruh keperluan-keperluan baru bagi memastikan keperluan mereka (pelanggan dan pemegang taruh) dipenuhi berlandaskan peraturan/ perundangan dan kemampuan yang sedia ada; dan
- d. Sebarang maklum balas pelanggan hendaklah dikaji dari semasa ke semasa dan tindakan susulan dilaksanakan dengan berkesan.

PENGURUS KUALITI (Pgrs K)

Pengurusan Atasan UPNM hendaklah melantik seorang Pengurus Kualiti (Pgrs K) dari kalangan pegawai UPNM. Tugas dan tanggungjawab Pgrs K adalah seperti berikut:

- a. Memastikan proses yang diperlukan bagi SPK MS ISO 9001:2015 diwujudkan, dilaksanakan dan sentiasa dibuat penambahbaikan.
- b. Melapor kepada pihak Pengurusan Atasan UPNM berkenaan dengan pencapaian Objektif Kualiti yang ditetapkan.
- c. Memastikan kesedaran bagi penambahbaikan berterusan diberikan kepada semua warga UPNM.
- d. Berurusan dengan semua pihak luar tentang perkara yang berkaitan dengan SPK UPNM.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 15/39 |

Pengurusan Atasan UPNM hendaklah melantik seorang Timbalan Pengurus Kualiti (Timb Pgrs K) bagi setiap Fakulti/ Pusat/ Jabatan/ Bahagian di pejabat masing-masing untuk membantu Pgrs K dalam melaksanakan SPK MS ISO 9001:2015.

Dokumen Rujukan

| | |
|-----------------------|---------------------------------|
| PK(O). UPNM. PEND. 07 | Prosedur Maklum Balas Pelanggan |
|-----------------------|---------------------------------|

6 PERANCANGAN


6.1 TINDAKAN MENYATAKAN ASPEK RISIKO DAN PELUANG

6.1.1 UPNM hendaklah mengambil kira Klausula 4.4.1, 5.1.2 dan 6.1 MS ISO 9001:2015 berkaitan isu-isu yang berbangkit. Kaedah pengendalian risiko hendaklah diwujudkan dan tindakan bagi mengenal pasti risiko dan menghuraikan isu yang timbul untuk diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan.

- a. Memastikan Sistem Pengurusan Kualiti berupaya menasaskan objektif kualiti dan piagam pelanggan yang ditetapkan oleh pengurusan;
- b. Memperkasakan proses kerja SPK bagi mencapai hasil yang ditetapkan;
- c. Meminimakan kemungkinan kesan dan akibat yang tidak dirancang serta melaksanakan penambahbaikan.

6.1.2 Perancangan bagi tindakan mengendalikan risiko.

- a. Merumuskan semua tindakan dalam Pelan Risiko UPNM bagi mengisi semua isu-isu yang berkaitan keberhasilan Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti yang ditetapkan oleh UPNM;
- b. Memaklumkan kepada semua warga kerja yang terlibat akan risiko yang berkemungkinan timbul dan peluang mitigasi dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan;
- c. Menyediakan sumber yang diperlukan bagi menangani pengendalian risiko dan inisiatif penambahbaikan; dan
- d. Membangunkan *Blueprint* Pelan Pengurusan Risiko UPNM dan menilai keberkesannya.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 16/39 |

6.2 OBJEKTIF KUALITI UPNM

6.2.1 Pengurusan Atasan UPNM hendaklah mengenal pasti, mewujudkan dan merancang aktiviti-aktiviti dan sumber-sumber yang diperlukan untuk mencapai objektif kualiti di samping memantau dan menilai prestasi FPJB.

6.2.2 Objektif tersebut hendaklah memenuhi keperluan produk atau perkhidmatan, mewujudkan sasaran objektif yang boleh diukur selaras dengan Dasar Kualiti di UPNM.

Objektif Kualiti UPNM adalah seperti berikut:

(1) ADUAN PELANGGAN

Memastikan 100% aduan dan cadangan pelanggan diambil tindakan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

(2) AKADEMIK

i. Memastikan 30% graduan mencapai Ijazah Kelas Dua Tinggi pada setiap tahun.

ii. Memastikan 35% pelajar yang sedang mengikuti pengajian mencapai PNGK ≥ 3.0 .

(3) LATIHAN KETENTERAAN UMUM (LKU)

Memastikan 95% Pegawai Kadet lulus LKU.

(4) LATIHAN


Memastikan 100% kakitangan UPNM menjalani sekurang-kurangnya 40 jam (5 hari) latihan kompetensi setahun bagi mewujudkan budaya kerja 1 UPNM.

(5) PEROLEHAN

Memastikan Pesanan Tempatan (LO)/ *Indent* dapat dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas menerima permohonan pembelian yang lengkap.

6.3 PERANCANGAN PERUBAHAN

Pihak pengurusan hendaklah mengenal pasti, mewujudkan dan melaksanakan program-program perubahan untuk mengubah sistem pengurusan kualiti bagi pencapaian objektif.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 17/39 |

Hal ini termasuk tanggungjawab individu atau berfungsi untuk memenuhi matlamat di setiap peringkat dan fungsi, sekali gus memenuhi keperluan MS ISO 9001:2015. Perancangan ini hendaklah dikaji semula setiap tahun untuk menangani keperluan penyampaian perkhidmatan.

Pihak pengurusan juga hendaklah memastikan integriti SPK UPNM sentiasa terpelihara bagi sebarang perubahan terhadap dokumen dan peraturan semasa proses perancangan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti.

UPNM hendaklah memberi pertimbangan terhadap:

- a. Tujuan perubahan dan kesan yang mungkin timbul.
- b. Integriti sistem pengurusan kualiti.
- c. Ketersediaan sumber.
- d. Pengagihan atau pengagihan semula tanggungjawab dan bidang kuasa.

7 SOKONGAN

7.1 KEPERLUAN SUMBER

7.1.1 AM

Pengurusan Atasan UPNM hendaklah mengenalpastikan sumber yang perlu bagi pelaksanaan dan pencapaian SPK UPNM, di samping keberkesanan penambahbaikan yang berterusan untuk meningkatkan dan memenuhi kepuasan pelanggan.


UPNM hendaklah memberi pertimbangan terhadap:

- a. Keupayaan dan kekangan sumber dalaman sedia ada.
- b. Perkara yang boleh diperolehi daripada pihak luar.

Antara keperluan berkaitan adalah seperti berikut:

- a. Sumber Kewangan;
- b. Sumber Manusia yang kompeten, terlatih dan mencukupi;
- c. Peralatan dan kelengkapan pejabat yang bersesuaian dan mencukupi; serta
- d. Persekitaran kerja yang teratur dan menepati keperluan.

7.1.2 SUMBER MANUSIA

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 18/39 |

UPNM hendaklah menentukan dan menyediakan semua anggotanya mempunyai kemahiran dan kelayakan asas yang diperlukan. Keperluan sumber manusia hendaklah dirancang dan dilaksana selaras dengan Objektif Kualiti UPNM yang ditetapkan.

7.1.3 PRASARANA (INFRASTRUKTUR)

Prasarana atau infrastruktur yang diperlukan untuk mencapai pematuhan produk dan perkhidmatan kepada keperluan dan pencapaian objektif hendaklah ditentukan, disediakan, diselenggarakan dan dikekalkan. Perkara ini termasuklah:

- a. Kemudahan yang mencukupi seperti bangunan, tempat kerja dan utiliti yang berkaitan;
- b. Peralatan yang diperlukan, perkakasan dan perisian;
- c. Perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan; dan
- d. Teknologi maklumat dan komunikasi.


Dokumen Rujukan

| | |
|--------------------|---|
| PK(O).UPNM.PEND.01 | Prosedur Pengendalian Perkhidmatan Kenderaan |
| PK(O).UPNM.PERP.02 | Prosedur Perkhidmatan Pinjaman dan Pemulangan Bahan di Rak Terbuka |
| PK(O).UPNM.PERP.03 | Prosedur Pengurusan Pinjaman Antara Perpustakaan |
| PK(O).UPNM.PTMK.01 | Prosedur Pemohonan Pendaftaran Akaun E-Mel |
| PK(O).UPNM.PTMK.02 | Prosedur Pemohonan bagi Pembangunan Sistem Aplikasi/ Laman Sesawang/ Portal |

7.1.4 PERSEKITARAN UNTUK OPERASI PROSES

Pengurusan Atasan UPNM hendaklah menyediakan, menyelenggarakan persekitaran yang kondusif dan menentukan cara-cara untuk menggalakkan penyertaan serta penglibatan kakitangan dalam menyumbang kepada pencapaian objektif dan prestasi UPNM.

Persekitaran kerja adalah gabungan faktor-faktor fizikal dan manusia. Hal ini boleh mempengaruhi motivasi, kepuasan, pembangunan dan prestasi kakitangan untuk menyumbang kepada pencapaian objektif kualiti UPNM.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 19/39 |

Faktor manusia dan fizikal persekitaran kerja yang berhubungan dengan keadaan keselamatan dan kesihatan serta arahan kerja dikenal pasti dan diuruskan dengan berkesan oleh UPNM.

7.1.5 SUMBER PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN

7.1.5.1 AM

UPNM hendaklah menentukan dan menyediakan sumber yang diperlukan adalah sesuai untuk aktiviti pemantauan dan pengukuran tertentu dan diselenggara secara berterusan untuk menentu sah keakuran produk dan perkhidmatan terhadap keperluan.

UPNM hendaklah memastikan sumber yang disediakan:


- a. Sesuai untuk jenis aktiviti pemantauan dan pengukuran tertentu yang dilaksanakan
- b. Diselenggara bagi memastikan kesesuaian untuk maksudnya yang berterusan.

UPNM hendaklah menyimpan maklumat didokumentasikan yang sesuai sebagai bukti kesesuaian untuk tujuan pemantauan dan pengukuran sumber.

7.1.5.2 KEBOLEHKESANAN PENGUKURAN

Kebolehkesanan pengukuran ialah suatu keperluan penting bagi UPNM untuk memberi keyakinan dalam kesahan hasil pengukuran. Peralatan pengukuran hendaklah:

- a. Ditemu ukur atau ditentu sahkan atau kedua-duanya, pada sela waktu yang ditetapkan sebelum digunakan, dengan piawaian pengukuran yang boleh dikesan daripada piawaian pengukuran antarabangsa atau kebangsaan apabila, piawaian tidak wujud, asas yang digunakan bagi penentu ukuran atau penentusahan hendaklah disimpan sebagai maklumat didokumentasikan.
- b. Dikenal pasti untuk menentusahkan status.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 20/39 |

- c. Melindungi daripada pelarasan, kerosakan atau kemerosotan yang akan mentaksahkan status penentu ukuran dan hasil pengukuran seterusnya.

UPNM hendaklah menentukan sama ada kesahan hasil pengukuran terdahulu terjejas teruk apabila peralatan mengukur didapati tidak sesuai untuk maksudnya yang ditetapkan, dan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya.


7.1.6 PENGETAHUAN ORGANISASI

UPNM juga hendaklah menentukan pengetahuan yang diperlukan untuk setiap operasi proses aktiviti agar mencapai keakuratan perkhidmatan yang berkesan yang meliputi pengurusan pengajian akademik dan latihan ketenteraan umum. Pengetahuan ini hendaklah diselenggarakan dan tersedia setakat yang perlu. Apabila menangani perubahan keperluan dan trend, UPNM hendaklah mengambil kira pengetahuan semasanya dan menentukan cara memperoleh atau mengakses apa-apa pengetahuan tambahan dan pengetahuan dikemaskini yang perlu ada.

7.2 KOMPETENSI

Prosedur-prosedur berkaitan hendaklah diwujudkan dan dikekalkan untuk memastikan latihan yang mencukupi dan bersesuaian diberikan kepada staf yang menjalankan tugas atau wakilnya yang boleh menjejaskan proses, produk, perkhidmatan atau boleh memberi kesan yang besar ke atas SPK UPNM. Proses latihan adalah seperti berikut:

- a. Menentukan keperluan kompetensi yang diperlukan oleh kakitangan yang melaksanakan kerja yang mempengaruhi keperluan produk atau perkhidmatan.
- b. Mengenal pasti keperluan latihan dan memberikan latihan yang sesuai serta menilai keberkesanan latihan pada jangka masa yang ditetapkan.
- c. Memastikan kursus kesedaran dilaksanakan kepada setiap kakitangan baharu dan lama.
- d. Menentukan komunikasi dalaman dan luaran yang relevan dengan sistem pengurusan kualiti di UPNM.
- e. Mendokumentasikan dan mengemaskinikan maklumat yang ditentukan perlu oleh pihak pengurusan bagi keberkesanan sistem pengurusan kualiti.
- f. Maklumat didokumentasikan yang diperlukan oleh sistem pengurusan kualiti hendaklah dikawal bagi memastikan ia tersedia, sesuai digunakan dan dilindungi.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 21/39 |

7.3 KESEDARAN

UPNM hendaklah memastikan bahawa orang yang melakukan kerja di bawah kawalannya mengetahui tentang:

- a. Dasar Kualiti;
- b. Objektif Kualiti yang relevan;
- c. Sumbangan mereka kepada keberkesanan sistem pengurusan kualiti, termasuk manfaat prestasi yang ditambahbaik; dan
- d. Implikasi jika tidak mengakuri keperluan sistem pengurusan kualiti.

7.4 KOMUNIKASI

UPNM hendaklah menentukan komunikasi dalaman dan luaran yang relevan dengan system pengurusan kualiti, termasuk:

- a. Perkara yang akan dikomunikasikan bila perlu berkomunikasi.
- b. Bila perlu berkomunikasi.
- c. Dengan siapa untuk berkomunikasi.
- d. Cara untuk berkomunikasi.
- e. Siapa yang berkomunikasi.

7.5 MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN

7.5.1 AM


Sistem pengurusan kualiti organisasi hendaklah termasuk:

- a. Maklumat didokumentasikan yang diperlukan oleh *Standard* Antarabangsa.
- b. Maklumat didokumentasikan yang ditentukan perlu oleh UPNM bagi keberkesanan sistem pengurusan kualiti.

7.5.2 MEWUJUDKAN DAN MENGEMAS KINI

Apabila mewujudkan dan mengemas kini MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN, organisasi hendaklah memastikan kesesuaian:

- a. Pengenalpastian dan perihalan.
- b. Format dan media.
- c. Kajian semula dan kelulusan bagi kesesuaian dan kecukupan.

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 22/39 |

7.5.3 KAWALAN MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN

7.5.3.1 MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN yang diperlukan oleh system pengurusan kualiti dan piawaian antarabangsa ini hendaklah dikawal bagi memastikan:

- a. ia tersedia dan sesuai untuk digunakan, jika dan apabila diperlukan; serta
- b. ia dilindungi secukupnya daripada kehilangan kerahsiaan, penggunaan yang tidak betul atau kehilangan integriti.

7.5.3.2 Bagi mengawal **MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN**, UPNM hendaklah menyatakan aktiviti berikut, jika terpakai:

- a. Pengedaran, akses, dapatan semula dan penggunaan;
- b. Penyimpanan dan pemeliharaan termasuk pemeliharaan kemudahbacaan;
- c. Kawalan perubahan; dan
- d. Penyimpanan dan pelupusan.

MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN yang berasal dari luar yang ditentukan penting oleh UPNM bagi perancangan dan operasi sistem pengurusan kualiti hendaklah dikenal pasti sewajarnya, dan dikawal.

MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN yang disimpan sebagai bukti keakuran hendaklah dilindungi daripada perubahan tidak disengajakan.


Dokumen Rujukan

| | |
|-----------------------|------------------------------------|
| PK(O). UPNM. PEND. 05 | Prosedur Pengendalian Latihan Staf |
|-----------------------|------------------------------------|

8. OPERASI PERKHIDMATAN ATAU PRODUK

8.1 PERANCANGAN DAN KAWALAN OPERASI

UPNM hendaklah merancang, melaksanakan dan mengawal proses yang diperlukan bagi memenuhi keperluan untuk penyediaan produk dan perkhidmatan, dan bagi melaksanakan tindakan yang ditentukan dalam Klausa 6, dengan cara:

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 23/39 |

- a. Pelaksanaan proses adalah mematuhi Dasar dan Peraturan yang berkaitan.
- b. Pelaksanaan proses adalah berdasarkan kepada Prosedur-Prosedur Kualiti yang telah diluluskan.
- c. Proses kerja yang dijalankan sentiasa menggunakan peralatan-peralatan/ medium yang sesuai.
- d. Penyelenggaraan berkesan dibuat ke atas peralatan-peralatan yang digunakan bagi memastikan sentiasa berfungsi dengan baik.
- e. Menentukan, menyelenggarakan dan mengekalkan MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN untuk memberikan keyakinan bahawa proses telah dilaksanakan seperti dirancang.

8.2 KEPERLUAN UNTUK PRODUK ATAU PERKHIDMATAN

8.2.1 KOMUNIKASI DENGAN PELANGGAN

Komunikasi dengan pelanggan hendaklah termasuk:

- a. Menyediakan maklumat yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan;
- b. Mengendalikan pertanyaan, kontrak atau pesanan, termasuk perubahan;
- c. Mendapatkan maklum balas pelanggan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan, termasuk aduan pelanggan;
- d. Mengendalikan atau mengawal harta pelanggan;
- e. Mewujudkan keperluan khusus untuk tindakan luar jangka jika relevan.


8.2.2 MENENTUKAN KEPERLUAN UNTUK PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Apabila menentukan keperluan untuk produk dan perkhidmatan yang akan ditawarkan kepada pelanggan, UPNM hendaklah memastikan bahawa:

- a. Keperluan untuk produk dan perkhidmatan ditetapkan, termasuk apa-apa keperluan berkanun dan peraturan yang diguna pakai serta apa-apa yang difikirkan perlu oleh UPNM.
- b. UPNM boleh memenuhi akuan untuk produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Dokumen Rujukan

| | |
|-----------------------|---|
| PK(P). UPNM. 07 | Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan |
| PK(O). UPNM. PEND. 06 | Prosedur Maklum Balas Pelanggan |

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 24/39 |

8.2.3 KAJIAN SEMULA KEPERLUAN UNTUK PRODUK DAN PERKHIDMATAN

8.2.3.1 Organisasi hendaklah memastikan bahawa ia mempunyai keupayaan untuk memenuhi keperluan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan. UPNM hendaklah menjalankan kajian semula sebelum memberikan komitmen untuk membekalkan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan, termasuk;

- a. Keperluan yang ditetapkan oleh pelanggan, termasuk keperluan hantar serah dan aktiviti selepas hantar serah;
- b. Keperluan yang tidak dinyatakan oleh pelanggan, tetapi adalah perlu bagi kegunaan yang ditetapkan atau yang dimaksudkan, jika hal itu diketahui;
- c. Keperluan yang ditetapkan oleh UPNM;
- d. Keperluan berkanun dan peraturan yang diguna pakai bagi produk dan perkhidmatan itu;
- e. Keperluan kontrak atau pesanan yang berbeza daripada yang dinyatakan terdahulu.


UPNM hendaklah memastikan bahawa keperluan kontrak atau pesanan yang berbeza daripada yang dinyatakan terdahulu diselesaikan serta disahkan oleh UPNM sebelum penerimaan, apabila pelanggan tidak menyediakan pernyataan didokumentasikan tentang keperluan mereka.

8.2.3.2 UPNM hendaklah menyimpan MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN, seperti yang berkenaan:

- a. Hasil kajian semula;
- b. Keperluan baharu untuk produk dan perkhidmatan.

8.3 REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN PRODUK ATAU PERKHIDMATAN

8.3.1 AM

| | | |
|---|-----------------------|--|
|  | MANUAL KUALITI | No. Ruj. Dokumen : MK. UPNM. 01 |
| | | No. Keluaran : 03 |
| | | No. Pindaan : 04 |
| | | Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023 |
| | | Mukasurat : 25/39 |

